

LATIHAN MELAYU ISLAM BERAJA
TAJUK: DIALEK MELAYU BRUNEI (1)

ARAHAN: Gantikan perkataan yang bergaris dan bercetak tebal kepada perkataan dialek Melayu Brunei ke dalam ayat yang sesuai dengan maksudnya.

Bejuntayan/berjuntaian	Lastip	Ambuk
Balatak	Ambutit	Balat
Inkul	Inggut	Kakai
Cangkik	Babau	Lalih
Cawir	Karak	Kuruh

1. Di belakang rumah Amir, sekumpulan **monyet** telah mengotorkan tempat itu dengan membuang sampah yang dikutipnya tadi.
Jawapan: _____
2. Di dalam kolam itu, banyak katak, **berudu** dan ikan.
Jawapan: _____
3. Nenek saya selalu membuat **bakul** rotan untuk dijual di pasar.
Jawapan: _____
4. Adik dimarahi oleh ibu kerana adik selalu **bergantung** di jemuran besi ibu.
Jawapan: _____
5. Apabila ditanya oleh guru janganlah kamu **bisu**, berilah kerjasama kepada guru untuk menjawab soalan yang diberikan.
Jawapan: _____
6. Pelajar tahun 7 dibawa melawat sambal belajar untuk mengetahui bagaimana **alat untuk menangkap ikan** digunakan.
Jawapan: _____
7. Kakak Ah Seng sangat **ramping** kerana dia sering menjaga pemakanannya dan bersenam.
Jawapan: _____
8. Ketulan ais itu **cair** apabila Awie meletakkannya di bawah matahari yang terik.
Jawapan: _____
9. Monyet itu meng**goyang**kan dahan pokok itu sehingga patah.
Jawapan: _____
10. Ayah **mengayuh** basikalnya dengan cepat agar kakak tidak lewat dating ke sekolah.
Jawapan: _____
11. Kucing itu men**cakar** sofa yang baru dibeli oleh abang.
Jawapan: _____

12. Ketika Samin tidak bekerja, dia **gemar** menonton wayang di pawagam.

Jawapan: _____

13. Ayah tidur ber**dengkur** menunjukkan dia letih membuat kerja pertukangan tadi pagi.

Jawapan: _____

14. Ibu kerap **memindahkan** barang di dapur itu supaya nampak kemas.

Jawapan: _____

15. Awang sangat **mahir** dengan perkara yang berkaitan dengan mesin atau motor kerana dia memang minat dengan perkara tersebut.

Jawapan: _____